

UMS Perkenal BYOD Bagi Bantu Lancar Penyampaian Teknologi Maklumat

Terakhir dikemaskini: Rabu, 23 Mei 2018 11:48 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 772

[Kongsi 54](#)
[Syorkan 54](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


memperkenalkan konsep *Bring Your Own Device* (BYOD) bagi memastikan penyampaian teknologi maklumat dalam perkhidmatan universiti sentiasa lancar.

Pendaftar UMS, No'man Ahmad berkata, konsep BYOD diperkenalkan sebagai satu langkah menyelesaikan masalah terhadap penyediaan alat peranti kepada kakitangan dengan spesifikasi bersesuaian yang melibatkan kos yang tinggi.

"Pada dasarnya, pelaksanaan BYOD adalah satu konsep yang membenarkan pengguna membawa alat peranti sendiri untuk melaksanakan tugas di tempat kerja selain untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran.

"Ini dapat dijadikan sebagai panduan untuk membentuk kerangka penyediaan infrastruktur bagi meningkatkan pembelajaran dan pengajaran sama ada perisian atau program yang sesuai dan menyokong konsep BYOD di kampus seperti *Virtual Desktop Infrastructure* (VDI)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pelancaran Geran BYOD dan Ujilari VDI di Megalab, Perpustakaan UMS kelmarin.

Tambah beliau, melalui inisiatif VDI, pengguna tidak terbeban dengan peningkatan teknologi dan boleh menggunakan peranti yang asas atau sedia ada, sekali gus memperkayakan pembelajaran dan pengajaran universiti dengan tenaga pengajar dapat menyediakan bahan dengan program sokongan yang membantu dalam penyampaian.

"Cetusan inovasi ini juga adalah seiring dengan Dasar E-Pembelajaran Negara 2.0 (DEPAN 2.0), dan diharapkan dapat menjadikan pemegang taruh UMS, iaitu pelajar untuk sentiasa berdaya saing dan memenuhi keperluan kemahiran negara," ujar beliau.

Hadir sama pada majlis tersebut Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Noor Hapipah Samat.